

**NO. SOALAN : 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI  
SHEIKH FADZIR [ KULIM ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan cara Kementerian melakukan promosi untuk pelancongan hijau atau pelancongan berbentuk rekreasi dalam negara dan apakah kesan langsung kejadian MH370 dan MH17 terhadap kemasukan pelancong ke Malaysia pada tahun 2014.

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sentiasa mengadakan usaha-usaha mempromosikan pelancongan hijau dan juga pelancongan berbentuk rekreasi yang merupakan produk-produk pelancongan negara.

Di antara program-program promosi dalam dan luar negara bagi produk-produk tersebut adalah:

1. Menerbitkan risalah mengenai produk-produk tersebut seperti *diving*, *homestay*, pusat-pusat rekreasi (*theme parks*), memancing, *bird watching*, taman-taman negara, taman laut (*marine parks*) dan sebagainya;
2. Menyebarkan maklumat tersebut melalui 14 buah Pejabat Tourism Malaysia dan 22 Pusat Penerangan Pelancongan di peringkat Negeri serta melalui 44 Pejabat Tourism Malaysia di luar negara;
3. Mengetengahkan dan mempromosikan pakej-pakej pelancongan hijau dan rekreasi di pameran pelancongan seperti *MATTA Fair*, *Corporate Travel Bazaar* dan *Cuti Cuti 1Malaysia (CC1M) Roadshow*;
4. Penggambaran oleh stesen TV tempatan dan luar negara seperti stesyen TV *National Geographic* dan CNN berkaitan keindahan

tarikan-tarikan alam semulajadi di Malaysia seperti Taman Negara, Taman Kinabalu, Gunung Mat Cincang, Gunung Jerai, *Royal Belum* dan Taman-Taman Laut;

5. Melaksanakan kempen-kempen pengiklanan tematik dan taktikal di media cetak dan elektronik di pasaran domestik dan antarabangsa bagi produk-produk seperti pulau-pulau tropikal, taman-taman negara, tarikan keindahan pantai dan juga program-program seperti *Asian Bird Fair* di Langkawi dan *Raptor Watch* di Tanjung Tuan yang dianjurkan di dalam negara; dan
6. Lawatan Suaikenal ke Produk Pelancongan Hijau dan Rekreasi bagi kumpulan media, blogger dan agensi pelancongan dari luar negara.

Lain-lain usaha promosi yang dilaksanakan oleh Tourism Malaysia adalah penyertaan di *Philippines Bird Festival*, *British Birdwatching Fair*, *Asian Bird Fair Singapura*, *Taipei International Bird Fair* dan *Adventure Travel Expo & Seminar Melbourne*.

Kesan kejadian MH 370 dan MH 17 tidak merencatkan ketibaan pelancong secara keseluruhan. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, Malaysia mencatatkan ketibaan seramai **27.44 juta** pelancong asing, iaitu peningkatan sebanyak **6.7 peratus** berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2013 iaitu seramai **25.72 juta** pelancong asing. Namun, kejadian MH 370 telah memberi kesan kepada ketibaan dari pasaran negara China di mana bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, Malaysia mencatatkan ketibaan seramai **1,613,355** pelancong berbanding

bagi tempoh yang sama pada tahun 2013 iaitu seramai **1,791,424** pelancong, dengan penurunan sebanyak **9.9 peratus**.

Sekian, terima kasih.